



Untuk Terbitan Media

21 Januari 2025

## **SIARAN MEDIA**

### **KESATUAN SEKERJA PERLU PEKA, RESPONSIF TERHADAP PERUBAHAN MASA, TEKNOLOGI**

**KUALA LUMPUR –** Kesatuan Sekerja perlu lebih peka dan responsif terhadap perubahan masa dan teknologi bagi memastikan pekerja lebih bersedia untuk berdepan cabaran dunia digital yang kian mencabar.

Pengerusi Gabungan Kesatuan Badan Berkanun Diasingkan Saraan Dan Bebas (GKSBBDSB), Tuan Azman Tuan Yaacob berkata, Kesatuan Sekerja juga selepas ini perlu lebih aktif dalam menjalankan latihan kepada ahlinya bagi meningkatkan kualiti pekerja.

Menurutnya, ia bagi memanfaatkan sebaiknya peruntukan RM10 juta bagi pelaksanaan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) untuk tahun 2025 yang diumumkan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong semalam.

“Kami juga gembira dengan pengumuman kenaikan had geran latihan dari RM20,000 kepada RM30,000 memandangkan Kesatuan Sekerja memang aktif menjalankan pelbagai latihan kepada ahli.

“Usaha ini adalah bagi memastikan Kesatuan Sekerja lebih efisien dan berpendidikan untuk menghadapi cabaran-cabaran masa kini di era digitalisasi dan tanpa sempadan.

“Saya menyeru Gabungan Kesatuan BBDSB mengambil peluang untuk bersama-sama meningkatkan kecekapan dan kemahiran digitalisasi untuk terus relevan dan kekal di persada dunia tanpa sempadan ini,” katanya.

Menerusi kenyataan pada Selasa, GKSBBDSB menyambut baik kenaikan peruntukan untuk PHEKS pada tahun ini, ketimbang RM5.8 juta tahun lepas dan RM2.6 juta pada tahun 2023, menjadikannya peruntukan tertinggi dalam sejarah.

Steven Sim ketika pertemuannya dengan ahli GKSBBDSB pada Isnin mengumumkan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan PHEKS untuk tahun 2025.

PHEKS, yang dikendalikan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), merupakan inisiatif untuk menyokong kesatuan sekerja melalui program Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah dan Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat.

Pada tahun ini juga, diperkenalkan satu kluster baharu iaitu Pendigitalan Rekod Pengurusan Kesatuan Sekerja yang akan membawa banyak manfaat dalam memudahkan pentadbiran Kesatuan Sekerja mengikut persekitaran semasa.

Objektif utama pelaksanaan PHEKS Tahun 2025 ini adalah untuk menyokong dan memperkasa pergerakan kesatuan sekerja melalui peningkatan latihan kemahiran serta pengadaptasian penggunaan teknologi.

## **Tamat**

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**21 Januari 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

**[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)**